



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

### **MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA KETERJAMINAN MAKANAN ASEAN DALAM MESYUARAT KHAS AMAF BERHUBUNG KRISIS ASIA BARAT**

---

**PUTRAJAYA, 1 MEI 2026** – YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menghadiri Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) yang diadakan secara maya pada 29 April 2026 bagi membincangkan perkembangan terkini di Asia Barat serta kesannya terhadap keterjaminan makanan serantau.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh daya tahan bekalan makanan ASEAN serta kerjasama serantau dalam mendepani ketidaktentuan global yang boleh menjejaskan sektor pertanian, perdagangan dan input makanan asas.

Dalam mesyuarat itu, Malaysia menyokong usaha bersama ASEAN untuk mempertingkatkan kerjasama teknikal, pembangunan kapasiti serta pelaburan dalam sistem pertanian yang mampan, inklusif, berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan regeneratif.

Kementerian menegaskan bahawa penyelarasan rentas sektor yang lebih kukuh dalam ASEAN amat penting bagi menangani cabaran yang saling berkait melibatkan keterjaminan tenaga, bekalan baja, logistik dan keterjaminan makanan secara menyeluruh serta tersusun. Mesyuarat itu turut menetapkan Sekretariat ASEAN sebagai pusat penyelarasan untuk berhubung dengan pihak berkepentingan, rakan dialog dan kumpulan kerja sektoral berkaitan.

Malaysia turut berkongsi langkah kesiapsiagaan domestik dalam mengurus risiko luaran, termasuk pengaktifan mekanisme pengurusan krisis, mesyuarat pemantauan mingguan antara kementerian, serta penyelarasan rapat yang diterajui Pejabat Perdana Menteri (PMO) bagi memastikan bekalan makanan kekal stabil dan tekanan inflasi dapat dikawal.

Komoditi keutamaan yang dipantau rapi merangkumi ayam dan telur, sayur-sayuran terpilih, hasil perikanan serta beras, manakala faktor risiko utama seperti bekalan diesel, ketersediaan baja dan kos makanan ternakan terus dinilai dari semasa ke semasa.

Kementerian kekal komited dalam melaksanakan perancangan proaktif, intervensi bersasar serta memperkukuh kerjasama ASEAN bagi menjamin keterjaminan makanan serantau, melindungi rantai bekalan dan memberikan manfaat jangka panjang kepada rakyat ASEAN.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

